

Melaka bakal jadi hab pengeluaran EV

GADEK – Melaka berpotensi menjadi hab pengeluaran kenderaan elektrik (EV) di negara ini selari dengan peningkatan jumlah permintaan terhadap teknologi mobiliti hijau.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf berkata, perkembangan itu dapat dilihat apabila pemasangan kereta elektrik secara completely knocked down (CKD) mula dilaksanakan di negeri ini, sekali gus mencipta sejarah baharu dalam industri automotif Melaka.

Menurutnya, kemampuan tenaga kerja tempatan serta kemudahan industri sedia ada membuktikan Melaka berupaya menyokong pembangunan teknologi baharu termasuk pengeluaran kenderaan elektrik.

"Melaka mencipta sejarah dengan pemasangan kereta CKD per-

tama yang dikeluarkan di negeri ini iaitu model MGS5 EV yang menggunakan teknologi elektrik sepenuhnya.

"Ini menunjukkan keupayaan sumber manusia serta ekosistem industri di Melaka yang mampu menzahirkan teknologi baharu sekali gus membuka potensi negeri ini sebagai hab pengeluaran kenderaan EV," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian MGS5 SKD Line-Off di EP Manufacturing Berhad HICOM Pegoh, di sini, 10 Mac lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Azhar Arshad; Exco Belia, Sukan dan NGO negeri Datuk VP Shanmugam; Pegawai Kewangan Negeri Datuk Wira Salhah Salleh; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor

Gajah (MPAG) Datuk TPr. Saifuddin Abdul Karim serta kenamaan lain.

Tambah Ab Rauf, berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebanyak 44,000 kenderaan elektrik didaftarkan pada tahun 2025 berbanding hanya 21,789 pada tahun 2024.

Menurutnya, peningkatan itu selari dengan usaha kerajaan menggalakkan penggunaan mobiliti hijau dan pengurangan karbon selain membuka peluang kepada Melaka untuk memainkan peranan lebih besar dalam sektor teknologi hijau.

"Justeru itu, saya berharap pembangunan projek 'Melaka Inland Port' yang bakal dilancarkan mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri automotif dan logistik di negeri ini," katanya



AB Rauf ketika ketika menyempurnakan gimik pada Majlis Perasmian MGS5 SKD Line-Off di EP Manufacturing Berhad HICOM Pegoh, Foto: Afif Mustafa